

## TERJEMAHAN BUDAYA BUKAN KEBENDAAN DALAM NOVEL SIRI SAGA TWILIGHT: SENJAKALA

*NURSYAFIEQA 'IFWAT MOHMOD ROFIK*  
*Universiti Malaya*  
[syafieqaifwat@gmail.com](mailto:syafieqaifwat@gmail.com)

*MAIZURA OSMAN\**  
*Universiti Malaya*  
[mai.zura@um.edu.my](mailto:mai.zura@um.edu.my)

*\*pengarang Perantara*

### ABSTRAK

Kajian ini membincangkan terjemahan budaya bukan kebendaan dalam novel Siri Saga Twilight: Senjakala (2009) yang telah diterjemahkan daripada novel popular Inggeris iaitu *The Twilight Saga: Twilight* (2006). Objektif kajian ini ialah untuk mengenal pasti dan menyenaraikan unsur budaya bukan kebendaan yang terdapat dalam teks novel Twilight: Senjakala serta menganalisis strategi terjemahan budaya bukan kebendaan yang digunakan oleh penterjemah bagi menterjemah unsur budaya bukan kebendaan teks novel ini. Kajian ini menggunakan kaedah analisis teks iaitu dengan menggunakan korpus yang dipilih sebagai data untuk menghurai unsur budaya bukan kebendaan barat yang terdapat dalam teks novel bahasa sumber yang diterjemah. Kajian ini menggunakan pendekatan budaya material dan non-material serta pendekatan klasifikasi budaya untuk menganalisis unsur budaya bukan kebendaan dalam teks bahasa sumber iaitu bahasa Inggeris yang telah diterjemah kepada teks bahasa terjemahan iaitu bahasa Melayu. Hasil kajian menunjukkan penterjemahan novel bahasa sumber ke bahasa sasaran memperlihatkan banyak percanggahan dari segi budaya kedua-dua masyarakat. Budaya bahasa sumber iaitu bahasa Inggeris banyak menunjukkan norma masyarakatnya yang mengamalkan budaya barat dalam kepercayaan dan kehidupan seharian. Budaya dan kepercayaan ini ternyata tidak sesuai untuk diamalkan dalam masyarakat Melayu. Kajian turut membuktikan strategi penterjemahan secara literal menjadi pilihan utama dan kerap digunakan oleh penterjemah berbanding strategi yang lain kerana kesukaran untuk mencari kesepadanan antara dua budaya iaitu antara budaya dalam teks bahasa sumber dengan budaya dalam teks bahasa sasaran. Kajian ini diharapkan dapat memberikan sumbangan dan menjadi panduan kepada kajian penterjemahan pada masa hadapan agar budaya dan bahasa Melayu akan kekal terpelihara.

**Kata kunci:** analisis text; budaya barat; budaya bukan kebendaan; penterjemahan literal; terjemahan novel.

## THE TRANSLATION OF THE NON-MATERIAL CULTURE IN THE *SIRI SAGA TWILIGHT: SENJAKALA* NOVEL.

### ABSTRACT

This study discusses the translation of the non-material culture in the *Siri Saga Twilight: Senjakala* (2009) novel which has been translated from the popular English novel *The Twilight Saga: Twilight* (2006). The objective of this study is to identify and to list the non-material cultural element found in the *Twilight: Senjakala* novel text and to analyze the non-material cultural translation strategies used by the translator to translate the non-material cultural element of this novel text. This study uses the text analysis method by using the selected corpus as the data to describe the element of the western non-material culture found in the translated source language novel text. This study uses the material and non-material culture approach as well as the culture classification approach to analyze the non-material cultural element in the source language text which is the English language that has been translated into the translation language which is the Malay language. The study found that the translation of the source language to the target language shows many contradictions in the both society cultural. The source language culture which is English language shows a lot of their society norms that practices the western culture in their beliefs and daily life. This culture and beliefs is apparently not suitable to be practiced in the Malay society. The study also proves that the literal translation strategy had been the main choice and was used frequently by the translator compared to other strategies because of the difficulty in finding the compatibility between the two cultures which is the source language text and the target language text culture. This research is expected to contribute and as a guidance to the future translation research to ensure the culture and the Malay language will remain preserved.

**Keywords:** text analysis; western culture; non material culture; literal translation; novel translation.

### PENGENALAN

Penterjemahan merupakan salah satu bidang yang penting dalam mengembangkan ilmu untuk masyarakat. Ardi (2011) menyatakan penterjemahan sebagai aktiviti yang penting dalam menyebarkan ilmu pengetahuan kerana cara ini membolehkan masyarakat memperoleh ilmu pengetahuan daripada budaya bahasa sumber. Melalui penterjemahan yang dilakukan, individu dapat mempelajari serta menambah ilmu pengetahuan mengenai sesuatu budaya masyarakat luar. Penterjemahan juga dapat membantu individu untuk memahami kandungan sesebuah teks yang dibaca jika diterjemah dengan baik. Oleh yang demikian, penterjemahan yang baik sangat diperlukan pada hari ini supaya ilmu pengetahuan dapat dikembangkan dengan baik serta maklumat yang dipindahkan dari satu bahasa ke bahasa yang lain dapat disampaikan dengan tepat tanpa mengubah maksud asalnya.

Catford (1965) mendefinisikan terjemahan sebagai “*The replacement of textual material in one language (source language) by equivalent textual material in another language (target language)*”, yang bererti menyampaikan maklumat daripada bahasa sumber dengan mencari padanan yang sesuai dalam bahasa sasaran. Sarjana tempatan, Omar (1979) menyatakan penterjemahan sebagai suatu proses yang menyampaikan kesemua maklumat daripada bahasa sumber, iaitu bahasa asal kepada bahasa sasaran dengan mengekalkan segala mesej atau inti pati

wacana tersebut secara tepat. Wahid (2007) pula menyatakan bahawa perkataan terjemah itu sendiri mempunyai dua pengertian, iaitu yang pertama sebagai menterjemah teks atau buku daripada satu bahasa kepada bahasa lain yang mempunyai hubungan rapat dengan pentafsiran dan penghuraian yang boleh ditemui dalam buku-buku sejarah, sains dan falsafah yang diterjemahkan oleh penterjemah bahasa Arab daripada bahasa lain.

Menurut Cho dan Wahid (2016), penterjemahan merupakan proses peralihan yang bukan sahaja hanya untuk dua bahasa yang berbeza tetapi juga melibatkan dua budaya yang berbeza. Setiap bahasa dilihat mempunyai unsur-unsur yang merangkumi kata, frasa, ayat, dan wacana. Penterjemahan juga sebagai satu kesenian yang terangkum usaha menggantikan mesej dan/atau pernyataan bertulis dalam sesuatu bahasa dengan mesej dan/atau pernyataan yang sama dalam bahasa lain (Newmark, 1981). Nida (1964) pula mentakrifkan penterjemahan sebagai penyalinan semula ke dalam bahasa penerima maklumat daripada bahasa sumber dalam bentuk persamaan yang terdekat dan sejadi iaitu pertama dari segi makna dan kedua dari segi gayanya. Sesebuah terjemahan seharusnya memberikan gambaran yang sesuai dan jelas mengenai segala maksud dan idea karya asal dalam bahasa sumber dan seboleh mungkin menyampaikannya dengan stail dan bentuk yang paling bersahaja ke dalam bahasa sasaran tanpa menjejaskan maksud dan mutu teks asal.

#### **Terjemahan Unsur Budaya**

Taylor (1974) mentakrifkan budaya sebagai satu keseluruhan kompleks yang merangkumi aspek kepercayaan, pengetahuan, kesenian, tatasusila, undang-undang, moral, adat istiadat dan apa juga kebolehan serta kelaziman yang diperoleh manusia sebagai ahli sesebuah masyarakat. Budaya ditakrifkan sebagai satu keseluruhan kompleks yang merangkumi aspek-aspek pengetahuan, kepercayaan, kesenian, tatasusila, undang-undang, moral, adat istiadat dan apa juga kebolehan serta kelaziman yang diperoleh manusia sebagai ahli sesebuah masyarakat (Taylor, 1974).

Newmark (1988) menyebut budaya sebagai *"the way of life and its manifestations that are peculiar to a community that uses a particular language as its means of expression"*. Beliau memaklumi bahawa setiap kumpulan bahasa mempunyai fitur budaya yang khusus. Beliau jelas menegaskan bahawa secara operasional *"not regard language as a component or feature of culture"*.

Larson (1988) menyatakan bahawa dalam bidang penterjemahan, unsur budaya merupakan salah satu cabaran utama bagi penterjemah kerana tidak mudah untuk mendapatkan padanan bagi perkara atau objek yang asing dalam budaya sasaran. Oleh yang demikian, para penterjemah yang ingin menterjemah unsur budaya khususnya perlu mempelajari serta mendalami terlebih dahulu mengenai budaya bahasa teks sumber yang ingin diterjemah. Padanan yang sesuai terhadap budaya teks sasaran perlu dititikberatkan oleh penterjemah supaya teks terjemahan yang dihasilkan mempunyai kualiti yang tinggi serta boleh diterima oleh golongan pembaca bahasa sasaran tersebut. Jika penterjemah tidak memahami langsung mengenai kehidupan dan budaya masyarakat yang terlibat dalam teks penterjemahannya, maka akan berlakulah kesilapan yang akan menimbulkan salah faham dan menyinggung perasaan sama ada dalam budaya bahasa sumber atau pun bahasa penerima.

Nida (1963) membahagikan budaya kepada material dan bukan material. Pembahagian ini menjelaskan bahawa budaya adalah kesemua tingkah laku yang dipelajari serta diperoleh secara sosial, iaitu bersifat material dan bukan material dan diturunkan dari satu generasi ke generasi yang lain. Budaya bukan kebendaan dapat dikatakan sebagai sesuatu yang berkaitan dengan kerohanian dari aspek adat resam, sistem panggilan, latar budaya, latar geografi, latar masa, kelakuan,

pemikiran, dan kepercayaan. Budaya bukan kebendaan mempunyai sifat yang berlawanan dengan budaya kebendaan kerana budaya bukan kebendaan merupakan konsep budaya yang dikenal pasti melalui pemikiran, idea, adat istiadat, pola keluarga, dan bahasa (Cho dan Wahid, 2016).

Penterjemahan budaya dalam bidang penterjemahan boleh menyebabkan berlakunya kesalahan dalam menterjemah maksud serta amalan yang dipraktikkan dalam sesuatu budaya tersebut jika tidak diterjemah dengan menggunakan strategi yang tepat dan bersesuaian. Penterjemahan teks yang berbeza bahasa sumber dan bahasa sasaran merupakan satu cabaran kepada penterjemah yang menterjemah aspek budaya kerana boleh menyebabkan kekeliruan identiti serta budaya dalam kalangan masyarakat bahasa sasaran.

### **SOROTAN LITERATUR**

Kajian mengenai penterjemahan telah lama dimulakan oleh para sarjana. Penterjemahan dilihat semakin menjadi pilihan dalam kalangan pengkaji pada hari ini. Kajian-kajian yang telah dilakukan ini menjadi rujukan kepada para pengkaji pada masa kini. Antara kajian-kajian lepas yang telah dijalankan ialah kajian oleh Goh dan Azman pada tahun 2009 yang bertajuk Penterjemahan dan Budaya. Kajian ini menggunakan analisis dokumen dan telah dianalisis secara deskriptif. Kajian ini menunjukkan bahawa bahasa amat berkait rapat dengan sesebuah budaya. Kajian ini membincangkan beberapa aspek yang berkaitan dengan penterjemahan dan budaya untuk membantu memantapkan usaha penterjemahan daripada bahasa Cina ke bahasa Melayu. Contohnya ialah penterjemahan budaya dan ketepatan penterjemahan budaya, menguasai psikologi semasa penterjemahan, menguasai tahap ketepatan penterjemahan budaya serta melindungi ciri-ciri tempatan bahasa sumber dan sebagainya. Kajian ini sangat bagus untuk dihasilkan kerana selain daripada memelihara ciri-ciri tempatan bahasa sumber, kajian ini turut membantu para penyelidik atau penterjemah untuk menterjemah dengan lebih tepat bagi kajian yang akan dilakukan.

Cho dan Wahid (2016) dalam kajiannya iaitu Penterjemahan Budaya Bukan Kebendaan Dalam Teks Terjemahan Bahasa Korea-Bahasa Melayu membincangkan unsur-unsur budaya bukan kebendaan, iaitu unsur peribahasa, kepercayaan, etika dan moral, undang-undang serta ideologi yang diterjemahkan daripada bahasa Korea ke dalam bahasa Melayu. Teks yang dipilih sebagai korpus kajian ialah terjemahan antologi cerpen yang berjudul Perjalanan ke Sampo. Antologi cerpen ini mengandungi 10 buah cerpen namun kajian ini hanya menggunakan 9 buah cerpen sahaja kerana teks asalnya tidak dapat dikesan. Kajian ini menggabungkan kerangka teoretikal oleh Keesing (1958), Newmark (1988), Venuti (1995), Aixelá (1996) dan Katan (2012) yang diubah suai bagi menganalisis unsur budaya dalam teks antara bahasa Korea ke bahasa Melayu. Kajian ini melihat kebolehterjemahan unsur budaya khususnya budaya bukan kebendaan yang begitu abstrak untuk digambarkan berbanding dengan unsur budaya kebendaan yang lebih konkrit sifatnya. Analisis penterjemahan unsur budaya bukan kebendaan dalam teks sebagaimana yang ditonjolkan dalam korpus kajian ini sekali gus menggambarkan kepelbagaian *facade* dan dimensi dalam meneliti unsur bukan kebendaan. Kajian ini memperlihatkan landasan bagi mengenal pasti fenomena budaya dalam terjemahan teks kreatif. Kajian ini sangat bagus dan membantu para penyelidik pada masa akan datang terutamanya yang ingin menterjemah budaya dalam teks kreatif.

Kemudian, kajian oleh Ibrahim (2008) yang bertajuk Unsur Budaya dalam Koleksi Terjemahan Cerita Jenaka bahasa Melayu-bahasa Jerman: Satu Analisis, beranggapan setiap bahasa mempunyai budaya dan genrenya yang tersendiri. Oleh sebab itu, telah menjadi satu kemestian bagi penterjemah untuk memastikan bahawa budaya serta mesej dapat disampaikan

dengan baik kepada pembaca kedua. Kajian membuktikan bahawa bukan mudah untuk menghasilkan kesan yang sama bagi pembaca terjemahan lebih-lebih lagi jika warta yang disampaikan mengandungi elemen humor dan jenaka. Kajian ini memilih cerita rakyat Melayu iaitu Lebai Malang yang diterjemahkan ke dalam bahasa Jerman iaitu *DerUnglücks-Geistliche* serta Pak Belalang yang diterjemah menjadi *Vater Heuschreck*. Hasil kajian menunjukkan terdapat 19 unsur budaya daripada teks asal, namun hanya dua unsur sahaja yang dikekalkan dan selebihnya disesuaikan mengikut konteks, kefahaman, pandangan dunia dan latar belakang masyarakat Jerman yang jauh berbeza dengan masyarakat Melayu. Kajian ini sangat baik untuk dijalankan kerana dapat membuktikan bahawa setiap budaya mempunyai caranya yang tersendiri dan dapat memberi kefahaman kepada pembaca bahawa tidak semua budaya itu dapat kita samakan dengan budaya yang kita amalkan.

Kajian yang dijalankan oleh Kanchana Devi (2007) iaitu *Penterjemahan Perkataan Taksa : Satu Analisis Berdasarkan Novel Harry Potter And The Chamber Of Secrets Oleh J.K Rowlings* dan hasil terjemahannya *Harry Potter Dan Bilik Rahsia* menggunakan teori pendekatan pragmatik yang telah diperkenalkan oleh Baker (1992). Kajian ini bertujuan mengkaji situasi “lebih terjemah” atau “kurang terjemah” yang sering kali berlaku dalam sektor penterjemahan daripada bahasa Inggeris (bahasa sumber) kepada bahasa Melayu (bahasa sasaran). Kajian yang dilakukan merujuk kepada konteks seperti yang diterangkan dalam teori Baker (1992) yang telah membahagikan kaedah terjemahan kepada dua bahagian iaitu tersurat dan tersirat. Hasil kajian menunjukkan ketaksaan ini hadir bukan kerana hasil ketidakcekapan penggunaan linguistik oleh penulis tetapi hasil penggunaan gaya penulisan dan kreativitinya. Walau bagaimanapun, ketaksaan dalam novel juga boleh disengajakan untuk menyampaikan sesuatu secara tersirat, untuk menyampaikan sesuatu perkara dengan lebih efektif dan juga sebagai sebuah cara untuk menjaga imej penulis. Kajian yang dihasilkan sangat unik dan bagus untuk dijadikan sebagai sebuah rujukan

Seterusnya, kajian oleh Bakar et al. (2017) yang bertajuk *Aspek Semantik Dalam Terjemahan Unsur Budaya Ke Bahasa Melayu: Kajian Dalam Surah Al-Baqarah* memfokuskan penterjemahan makna unsur budaya dalam al-Quran ke dalam bahasa Melayu dengan meninjau pendekatan yang digunakan oleh penterjemah makna al-Quran dalam memindahkan makna tersebut. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis dokumen sebagai strategi pengolahan data. Kajian ini adalah kajian yang berbentuk analitikal kerana mengaplikasikan analisis semantik untuk meninjau makna unsur budaya. Melalui analisis semantik, kajian akan mengenal pasti pendekatan yang diguna pakai oleh penterjemah dalam memindahkan makna unsur budaya itu. Hasil kajian mendapati kajian menggunakan pendekatan literal bagi penterjemahan unsur budaya dalam surah al- Baqarah ke dalam bahasa sasaran.

Kajian oleh Rahman et al. pada tahun 2015 yang bertajuk *Penterjemahan Unsur Budaya Dalam Sari Kata Drama Flag Of Truth* membincangkan penterjemahan unsur-unsur budaya Arab ke dalam bahasa Melayu dengan menumpukan kepada strategi penterjemahan yang digunakan oleh penyari kata dalam sari kata drama Arab berjudul *Flag of Truth*. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti strategi penterjemahan yang diaplikasikan oleh penyari kata dalam menterjemahkan unsur budaya dalam drama ini di samping mencadangkan strategi penterjemahan yang sesuai bagi penterjemahan unsur budaya dalam teks sari kata. Kajian ini merupakan kajian kualitatif menggunakan analisis kandungan untuk mendapatkan data. Kajian ini berpandukan kepada strategi penterjemahan yang dikemukakan oleh Newmark (1988) dan Baker (1992). Hasil kajian menunjukkan strategi-strategi penterjemahan seperti penterjemahan literal, peminjaman, padanan budaya dan modul telah digunakan dalam menterjemah unsur budaya. Kajian ini mencadangkan strategi asimilasi digunakan untuk menangani perkataan budaya sumber yang

sudah diserap ke dalam bahasa Melayu. Kajian sebegini dapat membantu pengkaji pada masa hadapan yang ingin mengkaji penterjemahan sari kata.

Selain itu, kajian yang telah dilakukan oleh Rosdi pada tahun 2016 yang bertajuk *Prosedur Terjemahan Unsur Budaya Dalam Novel Sakura Mengorak Kelopak* membincangkan prosedur terjemahan yang memfokuskan kepada unsur budaya. Kajian ini mempunyai dua tujuan utama iaitu untuk mengenal pasti kategori unsur budaya dan mengkaji prosedur terjemahan unsur budaya yang digunakan dalam novel tersebut. Data dalam kajian ini diperoleh melalui novel *Sakura Mengorak Kelopak* dan terjemahannya *The Sakura Petals Unfold*. Kerangka teori yang digunakan dalam menjalankan kajian ini adalah Kategori Unsur Budaya oleh Newmark (1988) dan Prosedur Terjemahan Unsur Budaya oleh Newmark (1988). Pendekatan kualitatif digunakan untuk menganalisis unsur-unsur budaya dalam kajian ini. Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa kelima-lima kategori unsur budaya yang diutarakan oleh Newmark (1988) terdapat dalam novel tersebut. Berdasarkan analisis, didapati bahawa 13 prosedur terjemahan digunakan untuk menterjemah unsur budaya dalam novel tersebut. Dapatan kajian menunjukkan kategori unsur budaya paling banyak adalah kategori organisasi, adat, aktiviti dan konsep. Bagi prosedur terjemahan pula, prosedur yang paling kerap digunakan ialah prosedur persamaan budaya. Kajian ini secara keseluruhannya amat baik untuk menjadi rujukan dan panduan kepada pengkaji-pengkaji lain untuk menjalankan kajian.

Seterusnya, kajian oleh Yovita Angelina et al. pada tahun 2020 yang bertajuk *An Analysis Of Translation Strategies Toward Cultural Terms In "And Then There Were None" Novel* bertujuan untuk mengenal pasti strategi penterjemahan yang digunakan untuk menterjemah terutamanya menterjemah kata-kata budaya dalam Novel *And Then There Were None* kepada novel *Lalu Semuanya Senyap* dalam Bahasa Indonesia. Kaedah kajian yang digunakan ialah kaedah deskriptif kualitatif. Strategi penterjemahan yang digunakan dalam kajian adalah berdasarkan strategi yang dikemukakan oleh Baker (2018) serta Newmark (1988). Untuk proses analisis, kajian mengklasifikasi kata-kata budaya yang dijumpai dalam novel yang digunakan kepada lima kategori budaya. Hasil kajian mendapati terdapat sejumlah 48 kata budaya yang dijumpai dalam novel yang dikaji. Kajian juga menunjukkan terdapat tujuh strategi menterjemah yang telah digunakan dalam menterjemah kata-kata budaya dari teks sumber iaitu teks bahasa Inggeris kepada teks sasaran iaitu bahasa Indonesia. Kajian turut menunjukkan strategi penterjemahan menterjemah dengan menggunakan kata pinjaman merupakan strategi yang paling banyak diaplikasi sewaktu menterjemah teks bahasa sumber ke bahasa sasaran. Kajian seperti ini sangat bagus dijalankan kerana dapat membantu penyelidik pada masa akan datang untuk membuat kajian seperti ini dalam aspek yang berbeza.

Seterusnya, kajian oleh AlAqad dan Al-Saggaf yang bertajuk *Issues in Translating Cultural Terms between English and Malay: A Comparative Analysis* pada tahun 2020 bertujuan untuk meneliti cabaran-cabaran menterjemah kata-kata budaya Melayu kepada bahasa Inggeris. Cabaran-cabaran dalam menterjemah kata-kata budaya Melayu kepada bahasa Inggeris ini terjadi kerana beberapa faktor seperti bunyi, leksikal, nahu dan gaya bahasa. Kedua-dua bahasa ini berasal dari rumpun bahasa dan sistem yang berbeza. Disebabkan itu, terdapat jurang yang besar di antara sistem nahu kedua-dua bahasa ini yang menyebabkan masalah besar bagi sesetengah pelajar. Oleh itu, pengkaji memperkenalkan isu ini secara mendalam dan menganalisis dapatan dengan mengumpul data melalui buku, perbualan serta media sosial. Kajian ini mensasarkan kata-kata budaya bahasa Inggeris dan bahasa Melayu dan secara khusus, bahasa Melayu Brunei. Kajian menggunakan tipologi keserataan Mona Baker bagi memenuhi objektif kajian. Kajian ini sangat baik untuk dijalankan kerana dapat membantu penterjemah serta pengkaji yang lain untuk mencari

penyelesaian apabila menghadapi cabaran menterjemah terutamanya apabila menterjemah kata-kata budaya dari teks yang berbeza bahasa sumber serta bahasa sasarannya.

Kemudian, kajian oleh Husin pada tahun 2017 yang bertajuk *Translation Brief in Translation Procedures of Nonmaterial Cultural Elements* menghurai pengaruh ringkasan penterjemahan dalam prosedur penterjemahan elemen budaya bukan kebendaan dalam teks bukan fiksyen bahasa Inggeris: *The World is Flat: A Brief History of the Globalized World in the Twenty-First Century* dalam bahasa Melayu. Ringkasan penterjemahan merupakan maklumat yang diberikan kepada penterjemah dan berfungsi sebagai garis panduan kepada penterjemah untuk menterjemah teks. Kajian ini menggunakan kaedah analisis teks dan perbandingan. Hasil kajian menunjukkan terdapat tujuh prosedur penterjemahan yang digunakan untuk menterjemah elemen-elemen budaya yang telah dikenal pasti. Kajian turut membuktikan bahawa ringkasan penterjemahan mempengaruhi prosedur penterjemahan. Kajian ini merupakan satu kajian yang unik dan sangat bagus dijalankan kerana dapat memberi kefahaman kepada para penterjemah mengenai prosedur penterjemahan serta dapat mengetahui kepentingan ringkasan penterjemahan terhadap tugas menterjemah.

Kajian oleh Bakar dan Rahman pada tahun 2021 yang bertajuk Penterjemahan Makna Unsur Budaya dalam Novel Arab "Saacah Baghdad: Riwayah" ke dalam Bahasa Inggeris melalui Aplikasi e-Translasi Google bertujuan untuk mengenal pasti penterjemahan makna unsur budaya yang dilakukan oleh Google Translate dalam novel Arab "Saac ah Baghdad: Riwayah" ke bahasa Inggeris. Kajian turut melihat pendekatan terjemahan yang digunakan oleh aplikasi tersebut bagi membekalkan makna yang dikehendaki dan mencadangkan penambahbaikan yang boleh menjelaskan lagi mesej yang hendak disampaikan ke dalam bahasa sasaran. Untuk proses analisis, kajian menganalisis sampel unsur budaya terpilih berdasarkan Newmark (1988) serta berpandukan kamus atas talian bagi mendapatkan ketepatan maksud yang dikehendaki. Hasil kajian mendapati aplikasi e-Translasi Google menghadapi kesukaran dalam menterjemah makna unsur budaya dengan baik, di samping berlaku penyelewengan makna dalam membekal dan menyalurkan maklumat ke dalam bahasa sasaran. Kajian ini merupakan kajian yang sangat unik serta sangat bagus untuk dilakukan kerana dapat mengenal pasti kesalahan atau terjemahan yang tidak tepat yang dilakukan oleh aplikasi yang dipilih. Kajian turut membantu para penterjemah supaya tidak bergantung sepenuhnya terhadap aplikasi ini sewaktu menterjemah kerana boleh mengakibatkan kesalahan sewaktu menterjemah terutamanya terjemahan yang melibatkan aspek budaya.

Kajian oleh Zainol dan Haroon yang bertajuk Pengaruh Teks Perantara dalam Terjemahan Tidak Langsung Bahasa Melayu bertujuan untuk meneliti pengaruh teks perantara dalam terjemahan tidak langsung kepada bahasa Melayu. Bahan kajian yang digunakan ialah teks terjemahan tidak langsung dalam bahasa Melayu bertajuk Nurani Tanah Melayu dan teks perantara dalam bahasa Inggeris bertajuk *The Soul of Malaya* serta teks sumber dalam bahasa Perancis bertajuk *Malaisie*. Kajian ini meneliti sama ada penggunaan teks perantara bahasa Inggeris dalam terjemahan tidak langsung kepada bahasa Melayu mempunyai kesan terhadap teks terjemahan iaitu dari segi kesetiiaannya pada kandungan teks sumber asal dalam bahasa Perancis. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat beberapa situasi perbezaan antara teks terjemahan dan teks sumber asal sememangnya timbul dalam terjemahan tidak langsung iaitu dalam bentuk penambahan, pengguguran dan pindaan. Kajian turut mendapati perbezaan yang berlaku bukan disebabkan oleh penggunaan teks perantara semata-mata tetapi juga disebabkan oleh penyesuaian yang dilakukan oleh penterjemah sewaktu menterjemah teks tersebut. Kajian ini merupakan kajian yang sangat baik untuk dilakukan kerana melibatkan tiga bahasa yang berbeza serta dapat dijadikan panduan kepada pengkaji yang ingin membuat kajian teks perantara dalam terjemahan.

Berdasarkan sorotan kajian yang telah dilakukan, terdapat pelbagai isu yang timbul dalam penterjemahan seperti isu percanggahan amalan di antara budaya teks sumber dengan budaya teks sasaran, isu penyesuaian kata yang digunakan semasa menterjemah aspek budaya bagi dua budaya yang berlainan serta ketepatan maksud sesuatu kata yang digunakan untuk menterjemah budaya yang berbeza. Selain itu, hasil dari sorotan kajian juga menunjukkan bahawa terdapat pelbagai strategi yang digunakan oleh para penterjemah dalam menterjemah dua teks yang berbeza bahasa seperti menterjemah dengan kata pinjaman serta mengekalkan kata yang terdapat dalam teks sumber ke dalam teks sasaran supaya maksud sebenar dari teks sumber tidak berbeza dalam teks sasaran terutamanya apabila menterjemah elemen budaya. Perkara ini boleh mengakibatkan kekeliruan serta identiti sesuatu budaya itu menjadi tidak seperti yang dipraktikkan jika tidak diterjemah dengan baik. Perkara ini akan menjadi lebih membimbangkan apabila melibatkan pembaca teks sasaran dalam kalangan golongan muda. Mereka akan menganggap perkara tersebut sebagai sesuatu yang betul sedangkan perkara tersebut adalah tidak tepat dalam budaya mereka selaku pembaca teks sasaran. Golongan muda lebih cepat terpengaruh serta gemar mengikuti trend semasa yang ada. Situasi ini juga merupakan salah satu fenomena yang disebut sebagai penjajahan minda. Golongan muda khususnya sangat meminati budaya luar sehingga tidak mengenal asal usul serta budaya sendiri. Trend pemakaian, bahasa serta makanan budaya luar sering dipraktik dalam kehidupan sehingga boleh mewujudkan ancaman dari segi pemikiran dan budaya (Kosmo Online). Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menyenaraikan unsur budaya bukan kebendaan yang terdapat dalam teks novel *Twilight: Senjakala*. Kajian turut menganalisis strategi terjemahan budaya bukan kebendaan yang digunakan oleh penterjemah bagi menterjemah unsur budaya bukan kebendaan teks novel *Twilight: Senjakala*.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif. Kajian kualitatif membentangkan dan menganalisis fenomena, peristiwa, aktiviti sosial, persepsi, pemikiran individu mahupun masyarakat (Salim, 2018). Kaedah kualitatif tertumpu kepada proses dan kandungan tidak diuji atau diukur dari segi kuantiti (Salim, 2018). Persampelan data dilakukan berdasarkan aspek yang dikaji dalam budaya dan data diekstrak dari teks kedua-dua bahasa. Analisis kajian ini dilakukan dengan menggunakan kaedah analisis text. Kaedah analisis teks terjemahan yang digunakan adalah secara deskriptif iaitu menghurai strategi yang digunakan oleh penterjemah dalam menterjemah unsur budaya bukan kebendaan yang terdapat dalam teks bahasa sumber ke teks bahasa sasaran.

### Bahan Kajian

Kajian ini menggunakan teks novel Siri Saga *Twilight: Senjakala* tertibat Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd. (2009) yang merupakan karya terjemahan dari novel *The Twilight Saga: Twilight* (2006) karya Stephenie Meyer sebagai data kajian. Novel ini merupakan siri pertama bagi koleksi *The Twilight Saga*. Siri- siri lain bagi *The Twilight Saga* ialah *New Moon*, *Eclipse* dan *Breaking Dawn*. Novel ini dipilih sebagai bahan kajian kerana teks novel sumbernya merupakan sebuah novel yang ditulis oleh pengarang yang tersohor iaitu Stephenie Meyer yang telah banyak menulis novel-novel popular lain. Novel *Twilight* telah terjual lebih dari 100 juta salinan dengan terjemahan ke dalam 37 bahasa yang berbeza (Stephenie Meyer). Novel ini juga dipilih kerana beberapa faktor lain seperti banyak menerima pengiktirafan serta pernah menjadi fenomena di seluruh dunia (Little, Brown and Company dalam *The Twilight Saga Book 1*, 2006) seperti .. *Amazon* pernah melabelkan novel ini sebagai “Novel Terlaris Sepanjang Dekad... Setakat ini”. *Teen People* pula melabelkan novel karya Stephenie Meyer ini sebagai Novel Pilihan Ramai.




School Library Journal mengatakan bahawa novel ini membuat pembacanya seolah-olah turut merasai pengalaman tersebut seperti dalam novel.

### **KERANGKA KONSEP UNSUR BUDAYA**

Untuk kajian ini, pengkaji menggabungkan kerangka pendekatan oleh Nida (1963) mengenai budaya material dan budaya non-material dan pendekatan Newmark (1988) mengenai konteks penterjemahan budaya (klasifikasi budaya) sebagai kerangka teori yang akan digunakan untuk kajian ini. Menurut Nida (1963), budaya bukan kebendaan dapat dikatakan sebagai sesuatu yang berkaitan dengan kerohanian dari aspek adat resam, sistem panggilan, latar budaya, latar geografi, latar masa, kelakuan, pemikiran, dan kepercayaan. Newmark (1988) beranggapan bahawa budaya merupakan cara hidup dan mempunyai manifestasinya yang tersendiri bagi sesebuah komuniti yang menggunakan suatu bahasa khusus sebagai cara pengungkapan. Newmark juga telah membincangkan konteks penterjemahan budaya berdasarkan kategori budaya yang diadaptasi daripada kategori budaya oleh Nida (1963). Newmark (1988) turut menyatakan bahawa beberapa perkara perlu dipertimbangkan sebelum menterjemahkan unsur budaya antara teks bahasa sumber dan budaya teks bahasa sasaran.

### **Strategi Terjemahan Unsur Budaya Bukan Kebendaan Dalam Novel Siri Saga Twilight: Senjakala.**



Rajah 1: Klasifikasi Budaya Bukan Kebendaan Dalam Novel Siri Saga Twilight: Senjakala.  
(Diubah suai daripada Nida, 1963 dan Newmark, 1988).

### **ANALISIS DAN PERBINCANGAN**

Bahasa dan budaya adalah dua aspek yang tidak dapat dipisahkan kerana sifat sesuatu bahasa itu dipengaruhi oleh budayanya. Oleh yang demikian, setiap penterjemahan yang dilakukan terhadap sesuatu bahasa itu turut dipengaruhi oleh budayanya. Disebabkan itu, adalah sangat penting untuk para penterjemah untuk memahami budaya bahasa sumber dan bahasa sasarannya. Dalam terjemahan teks ini, wujud unsur budaya bukan kebendaan dalam bahasa sumber yang perlu diterjemahkan secara berpadanan dengan unsur budaya bahasa sasaran.

PENTERJEMAHAN UNSUR BUDAYA BUKAN KEBENDAAN ASPEK PANGGILAN KEKELUARGAAN

Jadual 1: Data unsur budaya bukan kebendaan aspek kata panggilan kekeluargaan

Teks Sumber	Teks Sasaran
“Tell <i>Charlie</i> I said hi”. (Bab 1, Halaman 4, Baris 21)	“Sampaikan salam ibu pada <i>ayah</i> kamu”. (Bab 1, Halaman 2, Baris 16)
“How’s <i>Renee</i> ?” (Bab 1, Halaman 6, Baris 2)	“Apa khabar <i>ibu</i> kamu?” (Bab 1, Halaman 3, Baris 23-24)

Berdasarkan Jadual 1, data menunjukkan perbezaan bagi kata panggilan kekeluargaan untuk ibu dan bapa antara teks bahasa sumber dengan bahasa sasaran. Hal ini disebabkan oleh perbezaan budaya antara kedua-dua bahasa yang digunakan. Untuk bahasa sumber iaitu bahasa Inggeris, watak dalam novel ini menggunakan nama bagi merujuk ibu serta bapa kepada anak mereka. Sebagai contoh, watak dalam novel ini menggunakan nama sebenar semasa bertanya khabar dan tidak menggunakan sebarang kata panggilan yang lebih sesuai seperti *your father* atau *your mother*. Perkara ini adalah bertentangan dengan budaya masyarakat teks bahasa sasaran iaitu bahasa Melayu. Seperti yang diketahui umum, masyarakat Melayu menjalani kehidupan dengan penuh dengan nilai kesopanan yang tinggi. Memanggil ibu atau bapa hanya dengan nama sahaja dianggap tidak sopan serta tidak mencerminkan adab ketimuran yang sering diamalkan oleh masyarakat Melayu. Menurut ajaran Islam yang dianuti masyarakat Melayu juga, seorang anak tidak wajar memanggil ibu bapa mereka dengan nama sebenar demi menunjukkan rasa hormat dan menyenangkan hati ibu bapa (Syed Husin et. al, 2014).

Masyarakat Melayu mempunyai sistem panggilan kekeluargaan yang tersendiri dan sangat unik. Kata panggilan yang wujud ini akan membezakan jenis panggilan yang digunakan oleh masyarakat Melayu untuk menyapa ahli keluarganya berdasarkan faktor-faktor seperti pangkat dan usia dalam kalangan ahli keluarga. Kata panggilan dalam keluarga merupakan nama yang diberikan kepada individu berdasarkan kedudukannya dalam keluarga (Jalaluddin et al., 2000). Sarjana Barat Trudgill (2000) berpendapat bahawa setiap jenis panggilan yang digunakan dalam sesuatu masyarakat itu melambangkan budaya masyarakat tersebut. Kata panggilan kekeluargaan juga merupakan istilah yang merujuk atau menyapa ahli keluarga yang mempunyai hubungan darah atau perkahwinan seperti ibu, bapa, adik-beradik, ibu saudara, datuk dan nenek sebelah ibu dan bapa. Berdasarkan data yang diperoleh, penterjemah menukarkan nama *Charlie* kepada panggilan ayah dan *Renee* kepada panggilan ibu supaya bersesuaian dengan budaya bangsa Melayu yang menekankan konsep kesopanan dan kekeluargaan.

Penterjemah menggunakan strategi atau teknik adaptasi budaya dalam menterjemah kata panggilan kekeluargaan. Teknik ini dilakukan dengan mengganti unsur-unsur budaya yang ada pada bahasa sumber dengan unsur budaya yang mirip serta sama nilainya dan ada pada bahasa

sasaran. Strategi ini merupakan strategi terjemahan yang paling bebas dan digunakan untuk tujuan kesopanan, pantang larang agama yang dititik beratkan dalam masyarakat Melayu (Norizah et al., 2011). Hal tersebut dilakukan kerana unsur budaya dalam bahasa sumber tidak ditemukan dalam bahasa sasaran ataupun unsur budaya pada bahasa sasaran tersebut lebih akrab bagi pembaca sasaran. Teknik ini sama dengan teknik padanan budaya iaitu menterjemah perkataan yang lebih sesuai dalam bahasa sasaran.

#### Penterjemahan Unsur Budaya Bukan Kebendaan Aspek Pemikiran

Seterusnya, kajian ini akan melihat unsur budaya bukan kebendaan bagi kategori pemikiran. Menurut Mok (2011), pemikiran merupakan satu proses di mana aktiviti membina ilmu dan kefahaman yang melibatkan mental dan otak manusia. Untuk kajian ini, unsur budaya bukan kebendaan bagi kategori pemikiran berjaya ditemui berdasarkan terjemahan yang dilakukan ke atas perkataan *vampire*.

Jadual 2: Unsur budaya bukan kebendaan bagi aspek pemikiran

Teks Sumber	Teks Sasaran
“Your people call them <i>vampires</i> ”. (Bab 6, Halaman 126, Baris 9)	“Bangsa kalian menyebutnya <i>pontianak</i> ”. (Bab 6, Halaman 121, Baris 25)
“If Edward was a <i>vampire</i> -”. (Bab 7, Halaman 138, Baris 19)	“Kalau Edward benar-benar <i>pontianak</i> ”. (Bab 7, Halaman 134, Baris 6)

Berdasarkan data yang diperoleh, perkataan *vampire* dalam teks bahasa sumber diterjemah sebagai ‘pontianak’ dalam bahasa sasaran. Konsep ‘*vampire*’ tidak terdapat dalam budaya Melayu. Hal ini kerana *pontianak* dalam alam Melayu merupakan hantu yang kononnya suka menghisap darah dan mengganggu orang yang bersalin dan biasanya merupakan diri seperti perempuan (Pusat Rujukan dan Persuratan Melayu, 2023). Kelompok *vampire* dalam novel ini merupakan kelompok *vampire* yang datang dari pelbagai puak dan mempunyai jantina iaitu lelaki dan perempuan. Tambahan pula, *pontianak* dalam alam Melayu sering digambarkan sebagai makhluk yang ditakuti kerana mempunyai wajah yang menakutkan sedangkan watak *vampire* dalam novel ini dinyatakan sebagai kelompok yang tampan, cantik, bergaya dan mampu menarik tumpuan manusia. Contohnya, adik-beradik Cullen menjadi tumpuan para pelajar lain di Sekolah Tinggi Forks.

Penterjemah menggunakan strategi penterjemahan pendekatan harfiah sewaktu menterjemah *vampire* menjadi *pontianak*. Strategi ini sebolehnya memberi makna setiap kata yang ada dalam bahasa sumber serta menyesuaikannya dengan kaedah bahasa sasaran serta menggantikan perkataan atau frasa dalam ayat tanpa perlu melakukan perubahan yang besar terhadap kedudukan struktur atau susunannya (Viney & Darbelnet, 1995). Penterjemahan harfiah juga dikenali sebagai *literal translation* merupakan teknik yang menterjemah kata demi kata dan

penterjemah tidak mengaitkan dengan konteks. Penterjemah boleh menggantikan *vampire* dengan perkataan yang lebih sepadan dalam bahasa sasaran atau menggunakan pendekatan literal yang mengekalkan perkataan *vampire* dalam teks bahasa sasaran. Hal ini kerana dalam budaya Melayu, tidak wujud konsep *vampire*.

#### Penterjemahan Unsur Budaya Bukan Kebendaan Aspek Latar Geografi

Seterusnya, kajian ini akan menganalisis unsur budaya bukan kebendaan bagi kategori latar geografi. Latar geografi dalam novel ini semestinya tidak boleh diterjemah sewenang-wenangnya kerana latar geografi budaya bahasa sumber adalah berbeza keseluruhannya dengan latar geografi bahasa teks sasaran.

Jadual 3: Unsur budaya bukan kebendaan bagi aspek latar geografi

Teks Sumber	Teks Sasaran
“Do you remember Billy Black down at <i>La Push</i> ?” (Bab 1, Halaman 6, Baris 15)	“Kamu ingat tak Billy Black yang tinggal di <i>La Push</i> ?” (Bab 1, Halaman 4, Baris 3)
Forks High School (Bab 1, Halaman 9, Baris 25)	Sekolah Tinggi Forks (Bab 1, Halaman 7, Baris 10)

Berdasarkan data pada ayat yang pertama, penterjemah mengekalkan nama tempat *La Push* ke dalam teks sasaran. Hal ini disebabkan *La Push* tidak wujud di alam Melayu. Penterjemah tidak menjumpai perkataan yang boleh disepadankan dengan budaya Melayu bagi *La Push*. Oleh yang demikian, penterjemah mengekalkan perkataan nama tempat tersebut dalam teks sasaran. Strategi terjemahan yang digunakan ialah penterjemahan secara literal iaitu mengambil semula perkataan asal dalam teks bahasa sumber ke dalam terjemahan teks bahasa sasaran. Bagi data kedua pula, penterjemah menterjemah *Forks High School* kepada Sekolah Tinggi Forks. Nama *Forks* tidak diubah suai oleh penterjemah kerana tidak wujud padanan perkataan yang tepat dalam budaya Melayu untuk Forks. Walau bagaimanapun, penterjemah menggunakan strategi terjemahan pinjam terjemah untuk menterjemah *High School* kepada sekolah tinggi.

Teknik penterjemahan yang dilakukan ialah menterjemah frasa atau kata bahasa sumber secara literal. Teknik ini serupa dengan teknik penerimaan (*acceptation*). Nama tempat atau nama khas bagi tempat hanya boleh diterjemahkan jika perlu dan secara rasmi mengikut ejaan dalam bahasa Melayu jika telah mendapat pengesahan dari pihak yang tertentu seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Pusat Rujukan Persuratan Melayu, 2017). Sebagai contoh, nama Trinidad and Tobago perlu ditulis sebagai Trinidad dan Tobago. Nama negara, negeri, daerah serta tempat tidak diterjemah kecuali mendapat pengesahan dari pihak tertentu dan tiada panduan yang khusus bagi perkara ini (Pusat Rujukan Persuratan Melayu, 2018).

#### Penterjemahan Unsur Budaya Bukan Kebendaan Aspek Pergaulan

Seterusnya kajian ini akan menganalisis unsur budaya bukan kebendaan bagi kategori pergaulan. Pergaulan merupakan perihal bercampur dengan orang lain (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005) Melalui pergaulan, pelbagai hubungan boleh wujud seperti hubungan persahabatan, percintaan serta hubungan kekeluargaan. Teks novel yang dipilih turut mengandungi bahagian yang menceritakan atau menggambarkan pergaulan di antara watak lelaki dan wanita yang masih muda iaitu Edward dan Bella.

Jadual 4: Unsur budaya bukan kebendaan bagi kategori pergaulan

<b>Teks Sumber</b>	<b>Teks Sasaran</b>
And he leaned down to press his cold lips once more to my throat.  (Bahagian Epilog, Halaman 498, Baris 29)	“Dia membongkok semula dan menepuk bibirnya yang dingin ke leherku”.  (Bahagian Epilog, Halaman 484, Baris 17)
“Edward! You stayed!” I rejoiced and thoughtlessly threw myself across the room and into his lap.  (Bab 15, Halaman 312, Baris 11)	“Edward! Awak masih di sini! Seruku dan pantas spontan berlari ke pangkuannya.  (Bab 15, Halaman 305, Baris 11)

Data yang diperoleh menunjukkan perbezaan budaya barat yang sangat tidak sesuai untuk dipadankan dengan budaya Melayu. Hal ini demikian kerana pergaulan bebas yang terlalu ekstrem antara watak utama dilihat tidak sesuai untuk dipadankan dalam budaya masyarakat Melayu. Pergaulan watak utama novel ini iaitu antara Bella dan Edward dapat dikategorikan sebagai pergaulan bebas yang sangat negatif untuk disajikan kepada para pembaca teks sasaran.

Untuk budaya bahasa sumber, pergaulan seperti yang terdapat dalam contoh tidak menjadi masalah kepada masyarakatnya. Malahan, terdapat juga contoh watak Edward menemani Bella tidur di biliknya pada waktu malam. Pergaulan bebas antara dua watak remaja lelaki dan perempuan ini tidak sesuai dan tidak boleh diterima sama sekali dalam budaya masyarakat Melayu. Umum seperti yang diketahui, masyarakat Melayu di Malaysia merupakan masyarakat yang menganuti agama Islam. Pergaulan bebas sebegini antara lelaki dan wanita yang bukan muhrim amat ditegah sama sekali dalam agama Islam kerana pergaulan seperti itu merupakan permulaan kepada perbuatan zina dan berdosa besar jika melakukannya (Al Kafi Li al-Fatawi, 2018).

Penterjemah menggunakan strategi penterjemahan secara literal. Hal ini kerana, walaupun penterjemah menterjemahkan terus daripada teks asal, susunan nahunya diubah dan disusun semula supaya ayat yang terhasil akan lebih jelas dan mudah difahami oleh pembaca. Namun

begitu, pergaulan bebas antara watak yang ada dalam novel tetap tidak boleh dipraktikkan dalam budaya masyarakat Melayu kerana terdapat pertembungan dari segi hukum syarak agama Islam.

**Penterjemahan Unsur Budaya Bukan Kebendaan Aspek Kepercayaan**

Akhir sekali, kajian ini akan mengenal pasti serta menganalisis faktor budaya bukan kebendaan bagi aspek kepercayaan. Kepercayaan merupakan keyakinan atau akuan akan benarnya (adanya, berlakunya dan lain-lain lagi). Kepercayaan juga merupakan satu iktikad, iman atau yang dipercayai semenjak turun temurun (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005). Antara budaya bukan kebendaan bagi kategori kepercayaan yang ada dalam data ialah:

Jadual 5: Unsur budaya bukan kebendaan bagi aspek kepercayaan

<b>Teks Sumber</b>	<b>Teks Sasaran</b>
“Another legends claims that we descended from wolves- and that the wolves are our brother still. Its againts tribal law to kill them”.  (Bab 6, Halaman 124, Baris 15)	“Ada kepercayaan lain yang mengatakan bahawa kami keturunan serigala- dan serigala masih bersaudara dengan kami. Oleh itu, dari segi peraturan puak, adalah satu kesalahan untuk membunuh serigala”.  (Bab 6, Halaman 119, Baris 27)

Unsur budaya bukan kebendaan bagi kategori kepercayaan dalam teks sumber dilihat tidak mempunyai kesepedanan dalam kepercayaan masyarakat Melayu yang beragama Islam. Dalam budaya Melayu, tidak wujud keturunan serigala serta peraturan puak yang tidak boleh membunuh serigala. Dalam agama Islam, keturunan manusia hanya lahir dari keturunan Nabi Adam a.s. (Irsyad al-Hadith, 2016). Namun begitu, kepercayaan berasal dari keturunan serigala tidak menjadi masalah dalam budaya bahasa sumber ini malahan keturunan serigala dianggap hebat, kuat serta digeruni. Puak serigala juga mempunyai kawasan atau wilayah mereka sendiri dan tidak boleh ditakluki oleh orang lain. Ciri-ciri keturunan serigala ini dinyatakan dalam teks bahasa sumber. Kepercayaan seperti ini sangat bertentangan dengan agama Islam yang mengajar umatnya bahawa semua yang ada di dunia ini milik Allah s.w.t. dan setiap dari kita mempunyai hak untuk merasai setiap nikmat (Jasmi, 2021). Oleh itu dapat dibuat kesimpulan bahawa tidak terdapat kesepedanan dalam budaya masyarakat Melayu bagi kepercayaan ini.

Penterjemah menggunakan strategi penterjemahan literal iaitu dengan menterjemah secara literal iaitu dengan menggantikan perkataan tanpa mengalami sebarang perubahan struktur ayat atau susunan ayat yang ketara. Hal ini bermakna proses penterjemahan cuma melibatkan proses pertukaran perkataan daripada bahasa sumber kepada bahasa sasaran. Hal ini demikian kerana unsur budaya bukan material bagi kategori kepercayaan yang ada dalam novel ini tidak wujud dalam masyarakat Melayu.

## **KESIMPULAN**

Budaya bahasa sumber iaitu bahasa Inggeris banyak menunjukkan norma masyarakatnya yang lebih kepada pengamalan budaya barat. Walau bagaimanapun, perkara tersebut bukanlah menjadi satu kesalahan dalam budaya mereka. Hal ini sangat berbeza dengan masyarakat Melayu yang hidup dengan penuh adab dan terkenal sebagai masyarakat yang mengamalkan budaya hidup yang berlandaskan kepada ajaran kitab suci Al- Quran. Disebabkan hal ini, strategi terjemahan secara literal dilihat menjadi pilihan utama dan digunakan dengan kerap oleh penterjemah berbanding strategi lain. Hal ini kerana kesukaran untuk mencari kesepadanan antara dua budaya iaitu antara budaya dalam teks bahasa sumber dengan budaya dalam teks bahasa sasaran.

## RUJUKAN

- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (2001). *Teori dan teknik terjemahan*. PTS Publication.
- Al Aqad, M. H., & Al-Saggaf, M. A. (2021). Issues in translating cultural terms between English and Malay: a comparative analysis. *Pedagogical Research*  
<https://doi.org/10.29333/pr/11272>.
- Al Kafi Li al-Fatawi. (2018). *Kesan buruk zina*. <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/2606-al-kafi-812-kesan-buruk-zina>
- Angelina, Y., Agus Riadi, & Thennoza, M. M. Z. (2020). An analysis of translation strategies toward cultural terms in “in then there were none” novel. *English Language Studies and Applied Linguistics Journal*.
- Arnida A. Bakar, Sulhah Ramli, S. & Lubna Abd Rahman. (2017). *Aspek semantik dalam terjemahan unsur budaya ke bahasa Melayu: kajian dalam Surah Al-Baqarah*. 4<sup>th</sup> International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization 2017.
- Arnida A. Bakar & Lubna Abd Rahman. (2021). Penterjemahan makna unsur budaya dalam novel arab “saacah baghdad: riwayat” ke dalam bahasa inggeris melalui aplikasi e-Translasi Google. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*.  
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i3.685>.
- Asmah Omar. (1979). *Aspek penterjemahan dan interpretasi*. Universiti Malaya.
- Baker, M. (1992). *In other words: a coursebook on translation*.
- Catford, J.C. (1965). *A linguistic theory of translation*. Diterjemahkan oleh Uma Iyavoo dan Koh, C. G. (1996). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Cho, M. & Puteri Roslina Abdul Wahid. (2016). Penterjemahan budaya bukan kebendaan dalam teks terjemahan bahasa korea-bahasa melayu. *Jurnal Melayu*.
- Goh, Y. S. & Azman Che Mat. (2009). *Penterjemahan dan budaya*. Prosiding Persidangan Penterjemahan antarabangsa ke-12. Kelestarian bidang penterjemahan. Persatuan Penterjemah Malaysia.
- Intan Suraya Zainol & Haslina Haroon. (2021). Pengaruh teks perantara dalam terjemahan tidak langsung kepada bahasa Melayu. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*.
- Irsyad al-Hadith. (2016). *Hadis penciptaan Hawa daripada tulang rusuk*.  
<https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-al-hadith/1518-irsyad-al-hadith-siri-ke-33-hadis-penciptaan-hawa>.
- Kalbin Salim. (2018). *Pengantar kajian kualitatif*.  
[https://www.researchgate.net/publication/328736941\\_Pengantar\\_Kajian\\_Kualitatif](https://www.researchgate.net/publication/328736941_Pengantar_Kajian_Kualitatif).
- Jasmi, K. A. (2012). Penyelidikan Kualitatif dalam Sains Sosial in Kursus Penyelidikan Kualitatif siri 1 2012
- Kamarul Azmi Jasmi. (2012, Mac 28-29). *Penyelidikan kualitatif dalam Sains sosial* [kertas pembentangan]. Kursus Penyelidikan Kualitatif siri 1 2012.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2005). Kepercayaan. Dalam *Pusat Rujukan Persuratan Melayu*.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2005). Pergaulan. Dalam *Pusat Rujukan Persuratan Melayu*.
- Kanchana Devi Sibeperegasam. (2007). *Penterjemahan perkataan taksa: satu analisis berdasarkan novel harry potter and the chamber of secrets oleh j.k.rowling dan hasil terjemahannya harry potter dan bilik rahsia*. [Tesis Master].  
<http://eprints.usm.my/9209/1/>
- Khairunisah Sayed Ibrahim. (2008.) *Unsur budaya dalam koleksi terjemahan cerita jenaka bahasa Melayu bahasa Jerman: satu analisis*. [Disertasi Sarjana]. Universiti Malaya.



- Larson, M., L. (1998). *Meaning-based translation: A guide to cross-language equivalence*. University Press of America.
- Mok, S. S. (2011). *Psikologi pendidikan* (2nd ed). Penerbit Multimedia Sdn. Bhd.
- Newmark, P. (1981). *Approaches to translation*. (Ahmad, Z. & Rahman, Z. A, Trans.) Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Newmark, P. (1988). *A textbook of translation*. Prentice Hall
- Nida, E. A. (1964). *Towards a science of translating: with special reference to principle and procedures involved in bible translating*. E.J. Brill.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Harishon Radzi, & Maslida Yusof. (2002). Kata panggilan dalam masyarakat Melayu: analisis sosiolinguistik dan pragmatik. *Jurnal Bahasa*, 2(2), 224-257.
- Norhazlina Husin. (2017). Translation brief in translation procedures of nonmaterial cultural elements. *Journal of applied environmental and biological sciences*.
- Norizah Ardi. (2011). *Pengantar prinsip penterjemahan*. August Publishing Sdn. Bhd.
- Norizah Ardi, Midiyana Mohamad, Rozaimah Rashidin & Zuraidah Jantan. (2011). *Asas dan kemahiran menterjemah*. August Publication Sdn. Bhd.
- Noor Eliza Abdul Rahman, Raja Hazirah Raja Sulaiman & Najihah Abdul Wahid. (2015). penterjemahan unsur budaya dalam sari kata drama *flag of truth*. *International Conference on Empowering Islamic Civilization in the 21st Century*.
- Puteri Roslina Abdul Wahid. (2007). *Dinamisme dalam karya terjemahan kreatif tunnels*. Universiti Malaya.
- Puteri Roslina Abdul Wahid. (2007). *Pengantar penterjemahan bahasa melayu*. Scholar Press (M).
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu. (2023). Khidmat nasihat ejaan. <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=trinidad>
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu. (2023). *Puntianak*. <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=puntianak>
- Siti Norain Rosdi. (2016). *Prosedur terjemahan unsur budaya dalam novel sakura mengorak kelopak*. Universiti Teknologi Mara.
- Sapir, E. (2000). *The status of linguistics as a science in Burke, Lucy (eds.)*. The Routledge Language and Cultural Theory Reader. Routledge.
- Stephenie Meyer. (2006). *Twilight. The Twilight Saga Book 1*. Little, Brown and Company.
- Stephenie Meyer. (2009). Senjakala [*Twilight. The Twilight Saga Book 1*]. Penerbitan Pelangi Sdn.Bhd.
- Stephenie Meyer. (n.d). *Twilight*. [stepheniemeyer.com/project/twilight-book](http://stepheniemeyer.com/project/twilight-book).
- Syh Noorul Madiah Syed Husin, Tengku Fatimah Muliana Tengku Muda, Siti Fatimah Salleh Azlina Abdullah & Siti Hajar Abdul Rauf. (2014). Komunikasi anak-anak terhadap ibu bapa cacat penglihatan di Taman Rahmat, Terengganu: analisis menurut perspektif Islam. *Jurnal Hadhari*.
- Taylor, E. B. (1974). *Primitive Culture*. Gordon Press.
- Trudgill, P. (2000). *Sociolinguistics: an introduction to language and society*. Penguin.
- Vinay, J.P. & Darbelnet, J. (1995). *Comparative stylistcs of French and English. A methodology for translation*. John Benjamins Publishing Co.

### **Biodata Penulis**

**Nursyafieqa 'Ifwat binti Mohmod Rofik** merupakan graduan berkelulusan Sarjana Sastera Pengajian Melayu (Linguistik) dari Universiti Malaya. Beliau merupakan siswi tahun akhir Ijazah Kedoktoran (Linguistik) di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

**Maizura binti Osman** merupakan pensyarah kanan di Jabatan Linguistik Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Bidang kepakaran beliau ialah bidang Pragmatik. Beliau merupakan lulusan Ijazah Kedoktoran (Linguistik) dari Universiti Kebangsaan Malaysia.



